

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA DIPLOMA PASCASISWAZAH



2025
VERSI 1

Jabatan Perancangan Strategik Akademik
Academic Strategic Planning Department

Hak Cipta Terpelihara

Pusat Polisi Akademik
Jabatan Perancangan Strategik Akademik
E-mel: aspd@um.edu.my

SEJARAH DOKUMEN

BIL.	VERSI	REKOD PINDAAN	LPU	TARIKH KUAT KUASA
1	1	Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Diploma Pascasiswazah) 2020 dikemaskini selaras pengemaskinian dokumen yang perlu dibuat mengikut kitaran lima (5) tahun. Pindaan adalah meliputi penyelarasan dengan Kaedah-Kaedah UM (Ijazah Sarjana) 2024, keputusan JKPU, dasar baharu KPT dan MQA serta penambahbaikan proses kerja/prosedur sedia ada.	02.07.2025	Mulai Sesi Akademik 2025/2026.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(DIPLOMA PASCASISWAZAH) 2025**

SUSUNAN KAEDAH

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Kaedah

- | | | |
|----|--|---|
| 1. | Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian | 3 |
| 2. | Tafsiran | 3 |

**BAHAGIAN II
PROGRAM AKADEMIK DAN SYARAT KEMASUKAN**

- | | | |
|----|---|---|
| 3. | Program Akademik | 6 |
| 4. | Kemasukan ke Program Pengajian Universiti | 6 |
| 5. | Calon Program Mobiliti | 7 |

**BAHAGIAN III
PENDAFTARAN**

- | | | |
|----|---|---|
| 6. | Pendaftaran Sebagai Calon | 7 |
|----|---|---|

**BAHAGIAN IV
BAYARAN**

- | | | |
|-----|--|---|
| 7. | Yuran dan Bayaran Lain | 8 |
| 8. | Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain | 8 |
| 9. | Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain | 8 |
| 10. | Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain | 8 |

**BAHAGIAN V
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN**

- | | | |
|-----|---|---|
| 11. | Tempoh Program Pengajian | 9 |
| 12. | Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum | 9 |
| 13. | Penggantungan Program Pengajian Calon | 9 |

BAHAGIAN VI
STRUKTUR PROGRAM AKADEMIK

- | | | |
|-----|--|---|
| 14. | <u>Struktur Program Akademik</u> | 9 |
|-----|--|---|

BAHAGIAN VII
SYARAT BAHASA

- | | | |
|-----|--|----|
| 15. | <u>Syarat Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu</u> | 9 |
| 16. | <u>Syarat Bahasa Inggeris</u> | 10 |

BAHAGIAN VIII
KAEDAH PENILAIAN

- | | | |
|-----|---|----|
| 17. | <u>Penilaian</u> | 10 |
| 18. | <u>Jawatankuasa Pemeriksa</u> | 10 |

BAHAGIAN IX
PENGIJAZAHAN

- | | | |
|-----|--|----|
| 19. | <u>Syarat Pengijazahan</u> | 11 |
|-----|--|----|

BAHAGIAN X
AM

- | | | |
|-----|--|----|
| 20. | <u>Penamatan Pencalonan</u> | 11 |
| 21. | <u>Kuasa Senat Membuat Peraturan</u> | 11 |
| 22. | <u>Pengecualian Pemakaian</u> | 11 |
| 23. | <u>Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti</u> | 12 |
| 24. | <u>Pembatalan</u> | 12 |

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(DIPLOMA PASCASISWAZAH) 2025**

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya Lembaga Pengarah Universiti membuat kaedah-kaedah berikut:

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

1. Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian

- (1) Kaedah-kaedah ini dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Diploma Pascasiswazah) 2025 dan hendaklah berkuat kuasa mulai Sesi Akademik 2025/2026.
- (2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua calon program Diploma Pascasiswazah yang diterima masuk sebelum dan pada sesi akademik 2025/2026 dan seterusnya.
- (3) Walau apapun yang diperuntukan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya, kaedah pelaksanaan Diploma Pascasiswazah yang akan digunakan oleh Universiti hendaklah juga dibaca bersama dengan dasar, polisi, garis panduan, prosedur dan/atau apa-apa ketetapan lain oleh Universiti dari semasa ke semasa.

2. Tafsiran

Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain:

“bidang pengajian” ertinya pengkhususan yang ditawarkan di dalam sesuatu program akademik.

Nota:

*bidang pengajian hendaklah merujuk kepada bidang pengkhususan yang termaktub dalam Kod Pendidikan Nasional (NEC).

“bidang penyelidikan” ertinya perincian yang ditawarkan di dalam sesuatu program akademik.

Nota:

*bidang penyelidikan hendaklah merujuk kepada perincian di bawah bidang pengajian dalam Kod Pendidikan Nasional (NEC).

“bilik peperiksaan” ertinya premis untuk menjalankan peperiksaan bagi sesuatu kursus atau kursus-kursus;

“bukan warganegara” ertinya bukan warganegara Malaysia termasuk yang berstatus pemastautin tetap;

"Bursar" ertinya, seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 14 Perlembagaan;

"calon" ertinya seseorang yang telah berdaftar bagi menjalani program pengajian Diploma Pascasiswazah Universiti;

"Dekan Fakulti" ertinya Dekan Fakulti Universiti dan termasuk mana-mana Pengarah atau Ketua Akademi, Pusat, Sekolah atau Institut yang dilantik di bawah subseksyen 24(4) dan (5) Perlembagaan;

"Diploma Pascasiswazah" ertinya Diploma Pascasiswazah yang dianugerahkan oleh Universiti Malaya;

"Fakulti" ertinya mana-mana Fakulti Universiti dan termasuk mana-mana Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti yang ditubuhkan di bawah subseksyen 24(1) Perlembagaan;

"Guru" ertinya seorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan Universiti Malaya dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, guru klinikal, felo, penolong profesor, *reader*, pensyarah kanan, pensyarah, pembantu pengajar dan pensyarah bahasa;

"Jabatan" ertinya mana-mana Jabatan Pengajian Fakulti dan termasuk mana-mana bahagian pengajian Fakulti;

"Jawatankuasa Pemeriksa" ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat atas perakuan Fakulti untuk mempertimbangkan keputusan peperiksaan calon dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepadanya menurut peruntukan dalam Kaedah-Kaedah ini atau Peraturan-Peraturan yang berkenaan;

"Kalendar Pengajian" ertinya tempoh pengajian yang terdiri daripada minggu kuliah, minggu ulangkaji, minggu peperiksaan dan cuti dalam sesuatu semester yang mana tarikh permulaan dan tarikh akhirnya hendaklah sepertimana yang ditetapkan oleh Senat;

"Keperluan dan syarat" ertinya keperluan dan syarat khusus bagi program Diploma Pascasiswazah yang perlu dibaca bersama dengan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Diploma Pascasiswazah) 2025 dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Diploma Pascasiswazah) 2025;

"Ketua Jabatan" ertinya Ketua mana-mana Jabatan pengajian Fakulti termasuk Penyelaras Program di mana berkenaan;

"kredit" ertinya ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu;

"kredit dapat" ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang calon bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya bagi tujuan penyempurnaan pengijazahan;

"kredit kira" ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang calon bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya dan gred yang diperolehi bagi kursus tersebut diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK;

"kursus" ertinya satu unit pengajian, latihan klinikal termasuk tetapi tidak terhad kepada kuliah, tutorial, pembelajaran elektronik (e-pembelajaran), kajian kes, pembentangan, lawatan, latihan amali, latihan mengajar, latihan industri dan latihan ilmiah yang dijalankan sepanjang satu tempoh yang ditetapkan, yang menyumbang kepada kredit atau hasil pembelajaran sesuatu program pengajian;

"Laporan Penyelidikan" ertinya hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh calon program pengajian Diploma Pascasiswazah secara Kerja Kursus semasa pencalonannya dan termasuk kertas penyelidikan, kertas projek, laporan projek dan hasil penyelidikan berkenaan yang dikenali dengan apa jua nama serta mengikut keperluan program;

"Naib Canselor" ertinya ketua pegawai eksekutif dan akademik Universiti yang dilantik di bawah subseksyen 12(1) Perlembagaan;

"Pembantu Pengajar" ertinya seorang guru yang dilantik oleh Universiti untuk membantu urusan pengajaran dan pembelajaran termasuk tetapi tidak terhad kepada *demonstrator*, Felo Penyelidik Pasca Doktorat, Pembantu Penyelidik Siswazah (*Graduate Research Assistant*) dan Pembantu Pengajar Siswazah (*Graduate Teaching Assistant*);

"Pemeriksa Dalam" ertinya seseorang guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Fakulti untuk memeriksa sesuatu kursus, sebahagian daripada kursus;

"Pendaftar" ertinya seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 14 Perlembagaan;

"Pengawas" ertinya pengawas dan termasuk ketua pengawas yang dilantik oleh Universiti daripada kalangan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti untuk mengawas peperiksaan program akademik;

"Penggaj" ertinya tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Universiti bagi sesuatu sesi akademik dan boleh termasuk semester;

"Penilai Luar Program/Pemeriksa Luar Program" ertinya seseorang bukan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Universiti untuk satu atau lebih program akademik;

"Penyelaras Program" ertinya seseorang yang dilantik oleh Dekan Fakulti daripada kalangan guru sepenuh masa Universiti untuk menyelaras sesuatu program akademik;

"penyelia" ertinya seseorang yang dilantik oleh Fakulti daripada kalangan guru sepenuh masa dan Profesor Emeritus Universiti untuk menyelia calon dalam program pengajiannya;

"Penyelia Bersama" ertinya seseorang yang dilantik oleh Fakulti daripada kalangan Profesor Adjung, Profesor Kehormat, pensyarah pelawat, pakar, pengamal industri atau felo penyelidik yang dilantik oleh Universiti dan guru sepenuh masa dari Universiti/universiti lain untuk menyelia calon dalam program pengajiannya;

"Perlembagaan" ertinya Perlembagaan Universiti Malaya;

"perunding" ertinya seseorang yang bukan guru yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan yang dilantik oleh Fakulti untuk menyelia calon dalam program pengajiannya.

"program akademik" ertinya kumpulan kursus dan/atau latihan yang dirancang dan disediakan bagi memenuhi keperluan untuk dianugerahkan Diploma Pascasiswazah;

"semester" ertinya tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Universiti bagi sesuatu sesi akademik yang terdiri daripada semester biasa dan semester khas;

"Semester Biasa" ertinya Semester I atau Semester II sepertimana yang dinyatakan dalam Kalendar Pengajian;

"Semester Khas" ertinya semester yang tempohnya lebih singkat daripada Semester Biasa dan diadakan selepas Semester II;

"Semester lazim" ertinya sistem semester yang menggunakan 17 minggu pengajian. Sistem semester selain 17 minggu pengajian perlu menetapkan bilangan kredit minimum yang bersesuaian.

"Senat" ertinya salah satu Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan di bawah Seksyen 22 Perlembagaan;

"Sesi Akademik" ertinya tempoh pengajian sesuatu program akademik yang terdiri daripada dua (2) Semester Biasa dan Semester Khas yang tarikh permulaan dan tarikh tamatnya ditetapkan oleh Naib Canselor;

"Sesi Kemasukan" ertinya sesi bilamana seseorang calon diterima masuk ke sesuatu program pengajian;

"Struktur Pengajian Ijazah" ertinya senarai kursus beserta jumlah kredit yang wajib disempurnakan bagi melayakkan seseorang calon untuk dianugerahkan ijazah;

"Tahun Kalendar" ertinya jangka waktu (masa) yang tempohnya adalah dua belas 12 bulan (Januari-Disember);

"tempat pengajian" ertinya Universiti termasuk mana-mana tempat lain yang diluluskan oleh Universiti;

"Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah Eksekutif " ertinya seseorang yang dilantik oleh Universiti sebagai Timbalan Dekan dan termasuk mana-mana Timbalan Pengarah yang bertanggungjawab bagi urusan program ijazah tinggi di Akademi, Pusat, Sekolah atau Institut;

"Universiti" ertinya Universiti Malaya.

"warganegara" ertinya warganegara Malaysia.

BAHAGIAN II

PROGRAM AKADEMIK DAN SYARAT KEMASUKAN

3. Program Akademik

Program Diploma Pascasiswazah hendaklah diklasifikasikan sebagai program akademik yang dilaksanakan secara kursus sepenuhnya serta boleh ditawarkan sebagai pengajian sepenuh masa dan/atau separuh masa.

4. Kemasukan ke Program Pengajian Universiti

(1) Setiap pemohon yang ingin mengikuti program pengajian Diploma Pascasiswazah hendaklah memenuhi syarat am seperti berikut:

- (a) memperolehi ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Senat atau kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengan ijazah Sarjana Muda yang diterima oleh Senat;

- (b) memenuhi keperluan dan syarat kelayakan minimum bagi program Diploma Pascasiswazah Universiti seperti mana ditetapkan di dalam Jadual 1, Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Diploma Pascasiswazah) 2025;
 - (c) mengesahkan penerimaan tawaran kemasukan;
 - (d) disahkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar, Klinik Universiti Malaya bahawa pemohon mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan dan tidak menghidap apa-apa penyakit atau apa-apa kecacatan anggota yang boleh mengganggu pengajian di Universiti; dan
 - (e) telah memenuhi semua keperluan imunisasi yang telah ditetapkan bagi program akademik secara klinikal dan bukan klinikal yang melibatkan *aktiviti klinikal; dan
- *bagi maksud sub-kaedah (e) di atas, aktiviti klinikal adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Vaksinasi Universiti Malaya.
- (f) membayar yuran tertentu.
- (2) Dalam keadaan tertentu, kemasukan pemohon adalah tertakluk kepada keputusan Senat atas perakuan Fakulti yang berkenaan serta memenuhi subkaedah (1)(c) hingga (f) di atas.
 - (3) Kemasukan bagi program pengajian adalah pada permulaan Semester I atau Semester II setiap sesi akademik dan tawaran kemasukan adalah untuk sesuatu semester dan sesi tertentu.
 - (4) Setiap tawaran kemasukan adalah untuk Semester I sesuatu sesi tertentu.

5. Calon Program Mobiliti

- (1) (a) Calon Program Mobiliti merujuk kepada:

calon universiti atau institusi luar yang diluluskan untuk mengikuti kursus-kursus tertentu atau menjalankan penyelidikan bagi program akademik di Universiti sama ada atau tidak untuk tujuan mendapat gred dan/atau kredit. Mereka bukanlah calon Universiti.
- (b) Calon Universiti yang diluluskan untuk mengikuti kursus-kursus tertentu di universiti atau institusi lain sama ada atau tidak untuk tujuan mendapat gred dan/atau kredit tertakluk kepada ketetapan universiti atau institusi tersebut.
- (2) Permohonan mengikuti Program Mobiliti hendaklah atas budi bicara Dekan Fakulti.

BAHAGIAN III **PENDAFTARAN**

6. Pendaftaran Sebagai Calon

- (1) Sesiapa yang ditawarkan oleh Universiti untuk mengikuti program pengajian Diploma Pascasiswazah dan menerima tawaran tersebut dikehendaki mendaftar mengikut peraturan di bawah Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Diploma Pascasiswazah) 2025.

- (2) Tertakluk kepada subkaedah (3) di bawah, sesiapa yang mendaftar seperti yang tersebut di subkaedah (1) di atas adalah pelajar Universiti dan digelar calon program pengajian Diploma Pascasiswazah. Nama calon tersebut hendaklah disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti sehingga calon berjaya menamatkan program pengajiannya dan Senat mengesahkan calon tersebut layak dianugerahkan Diploma Pascasiswazah atau sehingga atas sebab tertentu calon tersebut hilang status menjadi pelajar Universiti mengikut yang mana terdahulu.
- (3) Setiap calon yang telah mendaftar untuk mengikuti program pengajian Diploma Pascasiswazah yang telah ditawarkan kepadanya hendaklah mendaftar secara berterusan dengan Universiti.
- (4) Mana-mana calon yang gagal mendaftar secara berterusan bagi tempoh dua (2) semester dengan Universiti akan terhenti daripada menjadi pelajar dan namanya akan digugurkan daripada senarai daftar pelajar Universiti.
- (5) Walau apapun yang dinyatakan oleh subkaedah (1) di atas dan tertakluk kepada subkaedah (3) di atas, Senat boleh pada bila-bila masa menamatkan pendaftaran mana-mana calon sekiranya pada pandangan Senat calon tersebut atas sebab-sebab akademik yang ditentukan oleh Senat, tidak mampu meneruskan program pengajiannya dan nama calon tersebut hendaklah digugurkan dari senarai daftar pelajar Universiti dan calon tersebut hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar Universiti. Keputusan Senat yang dibuat menurut peruntukan subkaedah (5) ini adalah muktamad.

BAHAGIAN IV **BAYARAN**

7. Yuran dan Bayaran Lain

Calon hendaklah menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan mengikut peraturan seperti mana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Diploma Pascasiswazah) 2025.

8. Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain

Pihak Universiti mempunyai hak mutlak untuk mengubah kadar yuran dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis terlebih dahulu kepada calon.

9. Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain

Calon hendaklah membayar semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

10. Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain

Kegagalan seseorang calon menjelaskan semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti boleh menyebabkan calon berkenaan:

- (1) dihalang daripada mendaftar kursus untuk semester berikutnya dan statusnya sebagai pelajar Universiti boleh ditamatkan;
- (2) dihalang daripada mendapat keputusan peperiksaan bagi semester berkenaan, transkrip akademik dan skrol ijazah; dan/atau

- (3) dihalang daripada dikurniakan Diploma Pascasiswazah dalam Istiadat Konvokesyen.

BAHAGIAN V

TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN

11. Tempoh Program Pengajian

Calon hendaklah mengikuti dan menamatkan program pengajiannya dalam tempoh yang ditetapkan.

12. Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum

- (1) Tempoh minimum dan maksimum untuk pengajian sepenuh masa bagi menyempurnakan program pengajian Diploma Pascasiswazah adalah selama satu setengah (1 ½) semester iaitu bersamaan dengan satu (1) semester biasa dan satu (1) semester khas, manakala tempoh maksimum adalah enam (6) semester iaitu enam (6) semester biasa melainkan Senat meluluskan suatu tempoh yang berlainan.
- (2) Tempoh minimum dan maksimum untuk pengajian separuh masa bagi menyempurnakan program pengajian Diploma Pascasiswazah adalah selama tiga setengah (3 ½) semester iaitu bersamaan dengan tiga (3) semester biasa dan satu (1) semester khas, manakala tempoh maksimum adalah sepuluh (10) semester iaitu sepuluh (10) semester biasa melainkan Senat meluluskan suatu tempoh yang berlainan.

13. Penggantungan Program Pengajian Calon

Tempoh penggantungan program pengajian calon yang dikenakan hukuman di bawah - Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Malaya) (Tatatertib Pelajar) 2024 tidak diambil kira dalam tempoh program pengajian.

BAHAGIAN VI

STRUKTUR PROGRAM AKADEMIK

14. Struktur Program Akademik

- (1) Calon dikehendaki mengikuti dan memenuhi jumlah kredit keseluruhan yang ditetapkan bagi program pengajian masing-masing seperti mana yang diluluskan oleh Senat.
- (2) Penilai Luar Program atau Pemeriksa Luar Program bagi setiap program akademik yang ditawarkan oleh Universiti hendaklah dilantik oleh Timbalan Naib Canselor yang berkenaan atas perakuan Jawatankuasa Khas seperti yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan.

BAHAGIAN VII

SYARAT BAHASA

15. Syarat Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu

- (1) Calon warganegara dikehendaki memenuhi syarat Bahasa Malaysia sebelum dianugerahkan Diploma Pascasiswazah dengan memperoleh sekurang-kurangnya:
 - (a) gred lulus dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;

- (b) Peringkat III Sijil Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu Universiti atau di peringkat setaraf;
 - (c) gred lulus kursus Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang diiktiraf oleh Universiti; atau
 - (d) lulus penilaian pengecualian Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Calon bukan warganegara dikehendaki menghadiri dengan memuaskan suatu kursus Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang dikendalikan oleh Universiti sebelum dianugerahkan Diploma Pascasiswazah melainkan ia memperoleh sekurang-kurangnya:
- (a) gred lulus dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
 - (b) Peringkat III Sijil Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu Universiti atau di peringkat setaraf;
 - (c) gred lulus kursus Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang diiktiraf oleh Universiti; atau
 - (d) lulus penilaian pengecualian Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Walau apapun yang diperuntukkan oleh subkaedah (1) dan (2) di atas, keperluan syarat Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu adalah dikecualikan bagi calon yang telah mengikuti pengajian dan telah memperolehi ijazah dari Institusi Pengajian Tinggi Tempatan dan Swasta yang mana bahasa pengantar yang digunakan adalah bahasa kebangsaan.

16. Syarat Bahasa Inggeris

Pemohon bukan warganegara yang mengikuti program pengajian Diploma Pascasiswazah di Universiti dan/atau yang memperoleh ijazahnya dari universiti atau institusi pengajian tinggi yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi ijazah berkenaan adalah dikehendaki memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN VIII **KAEDAH PENILAIAN**

17. Penilaian

Penilaian bagi setiap program pengajian yang dijalankan oleh Universiti boleh dibuat secara peperiksaan akhir dan/atau penilaian berterusan serta kaedah penilaian lain seperti mana yang diluluskan oleh Senat atas perakuan Fakulti.

18. Jawatankuasa Pemeriksa

Jawatankuasa Pemeriksa yang berasingan hendaklah diadakan bagi setiap peperiksaan untuk setiap program akademik.

BAHAGIAN IX **PENGIJAZAHAN**

19. Syarat Pengijazahan

- (1) Calon boleh dianugerahkan Diploma Pascasiswazah yang berkenaan tertakluk kepada calon:
 - (a) memenuhi segala keperluan Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
 - (b) diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa untuk dianugerahkan Diploma Pascasiswazah dan diluluskan oleh Senat; dan
 - (c) memenuhi segala keperluan lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.
- (2) Universiti berhak menahan penganugerahan Diploma Pascasiswazah sekiranya calon gagal menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Walau apapun keputusan berhubung dengan pengijazahan seseorang calon, Universiti berhak untuk melucut penganugerahan Diploma Pascasiswazah seseorang calon jika Universiti berpuas hati bahawa calon tersebut telah terbukti melakukan perkara berikut:
 - (a) pemalsuan maklumat bagi memenuhi keperluan pengijazahan; dan/atau
 - (b) melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik yang pada pandangan Universiti tidak layak dianugerahkan Diploma Pascasiswazah ini.

BAHAGIAN X **AM**

20. Penamatan Pencalonan

Senat berhak menamatkan status akademik seseorang calon yang didapati telah memberikan maklumat palsu berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti atau melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik selain daripada yang dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Malaya) (Tatatertib Pelajar) 2024 yang pada pandangan Senat tidak wajar dan menjejaskan imej Universiti.

21. Kuasa Senat Membuat Peraturan

Senat boleh membuat peraturan-peraturan pada amnya sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

22. Pengecualian Pemakaian

Walaupun dinyatakan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Senat boleh memberi pengecualian pemakaian mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

23. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti

Setiap calon adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Malaya) (Tatatertib Pelajar) 2024.

24. Pembatalan

Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Diploma Pascasiswazah) 2020 adalah dengan ini dibatalkan.

Dibuat pada 02.07.2025

YBhg. Tan Sri Zarinah Anwar
Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti Malaya



UNIVERSITI
MALAYA

Pusat Polisi Akademik (PPA)

Jabatan Perancangan Strategik Akademik (ASPD)
Universiti Malaya